

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	13	ArticleSize	489 cm ²
AdValue	RM 9,665	PR Value	RM 28,994



Perlukah PTPTN laksana model mikro kredit AIM?

Oleh RAM AL JAFFRI SAAD

TARIKH 30 September lepas merupakan tarikh akhir pemberian diskaun kepada para peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Menurut rekod, sejak pemberian diskaun 20 peratus (%) tersebut diumumkan dalam Bajet 2013, seramai hampir 80,000 peminjam telah tampil untuk melangsaikan hutang PTPTN.

Jumlah ini menunjukkan peningkatan dan penerimaan peminjam terhadap penawaran diskaun yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Bagaimanapun, sebahagian besar peminjam masih berdegil untuk menjelaskan hutang ini. Laporan PTPTN mendedahkan bahawa pada masa ini masih terdapat 400,000 peminjam tegar yang gagal membayar pinjaman. Jumlah hutang peminjam tegar ini ialah RM2.3 bilion.

Dalam pada itu, sehingga April 2013, seramai 132,801 peminjam telah disenarai hitam kerana gagal bayar hutang berjumlah RM2.11 bilion. Lebih menyedihkan apabila mereka enggan bekerjasama dan berunding dengan PTPTN.

Punca kenapa masalah ini berlaku masih belum difahami. Apakah yang menyebabkan mereka enggan berunding dengan PTPTN? Namun, apa yang lebih penting ialah persoalan bagaimana masalah ini boleh diatasi agar ia tidak berlaku lagi pada masa depan?

Bagi penulis, PTPTN wajar 'meniru' model pinjaman mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Sebagai sebuah agensi yang mendapat pengiktirafan kerajaan, AIM berjaya dengan usaha membasmi kemiskinan masyarakat luar bandar. Program skim kredit mikronya telah mendapat pengiktirafan banyak pihak. Sehingga tahun 2009, AIM telah mengeluarkan pinjaman berjumlah lebih RM3.7 bilion.

Jumlah keahlian AIM meningkat daripada 20 peserta pada 1986 kepada 211,069 peserta pada 2009. Pada 2006, kajian akademik mendapati bahawa AIM telah berjaya meningkatkan pendapatan peserta sehingga lebih 200% daripada sebelumnya. Walaupun tiada maklumat berkaitan peratus kadar bayaran balik pinjaman AIM, penulis berpendapat bahawa kadarnya tentulah tinggi.

Hujah ini dibuat atas dasar pelaksanaan skim pinjaman mikro yang telah AIM adaptasi berdasarkan konsep yang diperkenalkan oleh Bank Grameen di Bangladesh. Pada 2008, skim kredit mikro Bank Grameen mencatatkan kadar bayaran balik pinjaman setinggi 98%. Bolehkah kadar bayaran balik pinjaman ini berlaku kepada PTPTN?

Dalam skim kredit mikro, AIM telah mewujudkan sistem penyaluran yang khusus dan eksklusif untuk golongan miskin. Me-

lalui sistem ini, konsep tanggungjawab kumpulan secara kolektif diperkenal dan dipraktis. Ini bermaksud liabiliti kumpulan dijadikan sebagai pengganti kepada jaminan pinjaman yang telah dibuat. Justeru, setiap ahli kumpulan menjadi penjamin kepada setiap pinjaman ahli-ahli yang lain.

Konsep ini telah mewujudkan disiplin kredit dalam kalangan peminjam melalui tekanan dan sokongan daripada ahli kumpulan tersebut. Misalnya, dalam satu kum-

pulan diletakkan lima orang peserta dan jika salah seorang daripada mereka tidak membayar balik pinjaman sama ada secara sengaja ataupun tidak, maka tanggungjawab membayar pinjaman tersebut jatuh di bahu empat sahabat yang lain.

Konsep kumpulan ini telah menjadi kerangka binaan skim kredit mikro dan terus dilestarikan dengan penyatuan kumpulan-kumpulan yang menjadi satu pusat. Pusat ini terbentuk melalui penyatuan kumpulan-kumpulan yang terdiri daripada lima orang sahabat. Kumpulan ini menjadi penjamin kepada pinjaman daripada kumpulan-kumpulan lain.

Justeru, wajarkah PTPTN menggunakan model ini sebagai langkah penyelesaian kepada bakal peminjam tegar pada masa hadapan?

Bagi penulis, pendekatan ini adalah wajar diamalkan oleh PTPTN. Apa yang boleh PTPTN lakukan ialah membina konsep kumpulan seperti mana konsep sahabat kumpulan AIM.

Pertama, PTPTN boleh mengkategorikan pinjaman kepada kumpulan pelajar berdasarkan kursus, negeri, jantina atau umur. Sebagai contoh, PTPTN boleh mewujudkan kumpulan peminjam berasaskan negeri bagi memudahkan urusan pengecaman peminjam selepas mereka tamat belajar.

Kedua, PTPTN boleh menetapkan berapa ramai ahli dalam satu-satu kumpulan. Sebagai contoh, bagi memudahkan proses pemantauan, keahlian dalam satu kumpulan mungkin dihadkan kepada 5-10 orang.

Ketiga, setiap ahli kumpulan bertanggungjawab sebagai penjamin pinjaman bagi ahli-ahli lain dalam kumpulan tersebut. Langkah ini dapat mewujudkan disiplin pembayaran balik pinjaman dan membina sikap tolong menolong dan ambil berat dalam kalangan ahli kumpulan.

Sebagai contoh, ahli dalam kumpulan tersebut 'diikat' dengan satu perjanjian yang dibuat secara kolektif. Kegagalan seorang ahli membayar pinjaman menyebabkan

Headline	Perluah PTPTN laksana model mikro kredit AIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	13	ArticleSize	489 cm ²
AdValue	RM 9,665	PR Value	RM 28,994

kan ahli-ahli lain terpaksa membayar pinjaman bagi pihak ahli tersebut. Konsep ini akan mengurangkan risiko kegagalan peminjam untuk membayar hutang.

Keempat, kumpulan-kumpulan yang kecil tersebut boleh disatukan sama ada di peringkat kawasan, daerah ataupun negeri. Satu kumpulan besar di peringkat daerah mungkin terbentuk hasil gabungan daripada beberapa kumpulan di dalam daerah tersebut. Liabiliti pinjaman di peringkat daerah adalah dijamin oleh setiap kumpulan di dalam daerah tersebut.

Kelima, pemantauan lebih berkesan dapat dilaksanakan terhadap kumpulan-kumpulan peminjam tersebut. Pengesanan individu-individu peminjam tegar mudah dilakukan melalui ahli-ahli kumpulan. Setiap ahli juga akan mengingatkan antara satu sama lain mengenai pembayaran balik pinjaman. Jika tidak, merekalah yang perlu menjelaskan pinjaman tersebut bagi pihak rakan mereka.

Justeru, model skim kredit mikro AIM boleh dijadikan contoh kepada PTPTN dalam merangka konsep pinjaman pendidikan pada masa akan datang. Penulis percaya jika model ini dipraktikkan, jumlah peminjam tegar PTPTN tidak seramai sekarang.

Sungguhpun model ini memerlukan kajian yang lebih menyeluruh, namun cetusan ini diharap dapat menjadi titik permulaan kepada usaha mewujudkan skim pinjaman yang mencatatkan kadar bayaran balik pinjaman yang tinggi. Mudah-mudahan model PTPTN ini akan menjadi contoh kepada mana-mana skim pinjaman tabung pendidikan di negara-negara lain pula.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Penyelidik Utama, Institut Penyelidikan dan Pengurusan, Universiti Utara Malaysia.



PEGAWAI Khidmat Pelanggan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional melayan pelanggan yang membuat pembayaran di One Stop Center PTPTN KL Sentral, Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN